

## ULASAN/REVIEWS

### AKAR UMBI SONGS OF THE DRAGON

*CD dihasilkan oleh Antares dan Rafique untuk Magick River, 2002*

Suara Mak Minah yang nyaring dari CD *Akar Umbi* membelah sunyi pada malam tersebut menarik perhatian saya. Inilah kali pertama saya mendengar lagu-lagu mimpi ritual masyarakat Orang Asli yang dikomersialkan. Suasana bunyi-bunyian dari hutan yang dijadikan sebagai suara pengenalan CD *Akar Umbi* ini mengimbau kenangan saya semasa membuat penyelidikan di perkampungan masyarakat suku kaum Semai di kawasan hutan dalam daerah Tapah, Perak.

Mak Minah merupakan penyanyi lagu mimpi ritual di kalangan suku kaum Temuan yang berketurunan Naga. Hanya individu yang boleh mengubati penyakit dan mempunyai kuasa spiritual berasal daripada keturunan haiwan tertentu (Antares, CD *Akar Umbi*, 2002). Suku kaum Temuan merupakan sub-kumpulan suku kaum Melayu-Proto. Suku kaum ini terdapat di negeri Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Majoriti masyarakat Orang Asli menganut kepercayaan animisme (Amran Kasimin 1995: xi). Mereka percaya setiap entiti mempunyai roh tertentu. Oleh sebab itu, mereka amat menghormati akan alam semula jadi seperti bukit-bukau, gunung-ganang, sungai, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Mereka memuja roh-roh tertentu menerusi lagu-lagu mimpi ritual tertentu agar roh-roh ini akan melindungi mereka daripada bencana.

Kesemua lagu-lagu mimpi ritual yang dinyanyikan oleh Mak Minah dalam CD *Akar Umbi* ini berkait dengan alam semula jadi. Lagu-lagu mimpi ritual masyarakat Orang Asli dinyanyikan semasa upacara ritual yang dipanggil *sewang* atau *sawai*. Terdapat dua jenis *sewang* atau *sawai*, iaitu *sewang bersukaria* dan *sewang berubat*. Lagu-lagu ritual ini dipercayai diperoleh daripada mimpi. Semasa bermimpi, roh manusia (si mimpi) akan bertemu dengan roh daripada entiti seperti tumbuhan, haiwan, gunung, sungai ataupun serangga. Roh daripada entiti lain ini akan menyatakan hasratnya untuk menjadi *spirit guide* kepada si mimpi. Perhubungan antara kedua-dua roh ini termeterai menerusi pemberian lagu-lagu. Roh daripada haiwan, tumbuhan, gunung atau sungai merupakan sumber repertoir lagu-lagu mimpi masyarakat suku kaum Temiar (Roseman 1984 : 414). Keadaan ini bukan sahaja berlaku di kalangan suku kaum Temiar bahkan di kalangan suku kaum Asli yang lain.

Oleh sebab itu, lagu-lagu suku kaum Temuan yang dimuatkan dalam CD *Akar Umbi* berkisar tentang alam semula jadi. Lagu ritual pertama ialah *Bukit Secocol* yang dianggap tempat suci bagi masyarakat suku kaum Temuan. Bukit ini terletak di kawasan hutan Pertak, Kuala Kubu Baru, Selangor yang didiami oleh orang halus atau bunian. Menurut nota program dalam CD tersebut, Mak Minah menyatakan bahawa kebanyakan lagu-lagu mimpi yang diajar oleh suaminya itu datang dari bukit tersebut. Lagu ritual ini membuktikan keakraban mereka dengan alam semula jadi.

Begitu juga dengan lagu mimpi ritual *Hutan Manao* yang mengisahkan jerih payah dan keseronokan masyarakat suku kaum Temuan semasa merayau-rayau di hutan selama beberapa hari untuk mencari rotan (*manao*). Alam semula jadi atau hutan begitu penting dalam kehidupan harian masyarakat Orang Asli. Mereka bukan sahaja mencari sumber rezeki di hutan, bahkan hutan turut memainkan peranan penting dari aspek sosial dan budaya.

Entah kenapa sayu hati saya apabila mendengar lagu mimpi ritual *Sungai Makao*? Masyarakat Orang Asli begitu berhati-hati dengan setiap tindak-tanduk mereka terhadap alam semula jadi agar tidak menimbulkan kemarahan roh-roh tersebut. Dalam lagu ritual ini, Mak Minah turut memberi amaran secara lembut terhadap pihak tertentu yang menjalankan aktiviti pembalakan di kawasan hutan simpan suku kaum Temuan. Walaupun saya tidak dapat memahami lirik lagu ritual ini, tetapi saya dapat merasakan Mak Minah merayu pihak terbabit agar berhati-hati dengan tindak-tanduk mereka. Mereka khawatir sesuatu akan berlaku jika pihak terbabit terlalu rakus dengan aktiviti-aktiviti tersebut.

Mak Minah turut menceritakan asal usul bukit yang menyerupai bentuk sebuah kapal melalui lagu ritual *Raja Perahu*. Kononnya seorang raja yang gagah menyeberangi lautan tiba di suatu bukit lalu bercadang untuk menetap di situ. Lagu ini dinyanyikan dalam dua cara, iaitu ensembel dan *a capella*. Lagu ritual ini juga menggambarkan hubungan rapat masyarakat suku kaum Temuan dengan alam semula jadi.

Tidak banyak informasi tentang lagu ritual *Burung Meniyun*. Liriknya dalam dialek Asli, namun begitu lagu ini masih mempunyai kaitan dengan alam semula jadi. Nostalgia sewaktu kecil digambarkan oleh Mak Minah dalam lagu *Kuala Ngapeh*. Mak Minah sering ke dusun buah-buahan milik datuk dan neneknya di kampung tersebut. Selain lagu ritual, puisi kanak-kanak masyarakat suku kaum Temuan turut dimuatkan dalam CD *Akar Umbi*. *Kuda Lari* merupakan satu sindiran masyarakat suku kaum Temuan terhadap seorang majistret dan pengutip cukai yang jatuh daripada kudanya lalu lari ke negeri Pahang. Usaha

majistret yang dipanggil *Cecil Ranking* untuk membunuh seekor binatang suci (buaya), akhirnya membawa bencana kepada diri sendiri. Peristiwa ini mengukuhkan kepercayaan suku kaum Temuan terhadap bencana yang akan dihadapi jika roh-roh tertentu diganggu.

Legenda suku kaum Temuan tentang asal usul mereka disampaikan melalui lagu ritual *Gunung Raja*. Lagu ini agak berbeza daripada lagu-lagu lain. Bahagian instrumental lagu ini mengisahkan roh-roh yang tinggal dalam jangka masa yang lama di gunung tersebut sebelum pergi ke Pulau Buah. Pemilihan muzik yang sesuai pada bahagian ini meninggalkan kesan ekspresi kepada saya. Bulu roma saya meremang semasa saya mendengar lagu ritual ini. Sebuah lagu lagi yang mempunyai hubungan dengan alam semula jadi ialah *Buah Macang*. Lagu ini mengisahkan keharuman buah macang yang rasanya masam dan mengapa roh buah ini meresap ke dalam tubuh Sulong? Sulong ialah anak bongsu Mamak dan Inak Bongsu yang berketurunan manusia. Akhirnya Sulong merasakan dirinya berubah menjadi bunga macang. Keinginannya yang kuat menjadi bauan buah macang, sementara kekecewaannya menjadikan rasa masam buah tersebut.

Lazimnya lagu-lagu mimpi ritual ini dinyanyikan oleh pawang atau bomoh dengan iringan sepasang tiub buluh, rebana dan gong (jika ada). Rebana dan gong dimainkan untuk memeriahkan suasana upacara ritual bersuka ria. Tiub buluh yang dimainkan mempunyai pelbagai nama mengikut suku kaum akan menghasilkan rentak apabila dihentak pada sekeping papan. Akan tetapi dalam CD *Akar Umbi* ini, lagu-lagu ritual serta muziknya disusun semula dengan menggabungkan rentak tiub buluh dengan alat-alat muzik kontemporari.

Menurut penerbit CD *Akar Umbi*, usaha ini adalah untuk mengetengahkan muzik Orang Asli dan menarik perhatian generasi muda Orang Asli yang kini berpaling tadah terhadap budaya sendiri. Di samping itu, penerbit berharap agar ia menjadi inspirasi generasi muda masyarakat Orang Asli untuk belajar dan memelihara budaya tradisi mereka sendiri agar tidak ditelan zaman.

Saya sendiri tertarik dengan beberapa lagu ritual dalam CD ini, lagu *Hutan Manao* bukan sahaja dihiasi dengan permainan *buluh limbong* tetapi juga alat-alat muzik lain seperti gitar, flut, dram dan *keyboard* memberi kesan yang memukau pendengar. Begitu juga dengan lagu ritual *Gunung Raja* terutama bahagian instrumental yang mengisahkan keadaan roh-roh di gunung tersebut.

Penghasilan CD *Akar Umbi* yang memuatkan lagu-lagu mimpi ritual masyarakat Orang Asli secara komersial merupakan suatu usaha yang perlu diberikan penghargaan kerana muzik tradisional masyarakat Orang Asli sukar bertahan

dalam era globalisasi ini. Muzik popular masa kini menjadi pilihan generasi muda masyarakat Orang Asli. Semasa saya berkunjung ke perkampungan masyarakat Orang Asli di Tapah, Perak, terdapat segelintir generasi muda Orang Asli yang tidak mengenali *sewang*. Jika usaha bersungguh-sungguh dan berterusan tidak dilakukan oleh pihak tertentu, maka hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk mengekalkan dan memelihara khazanah budaya Orang Asli akan musnah.

Akibat proses pembangunan dan pemodenan, bukan sahaja lagu-lagu ritual ini tidak diminati bahkan tiada lagi lagu-lagu mimpi yang diperoleh daripada roh-roh tertentu. Hasil penyelidikan yang saya lakukan, beberapa orang *hala'* atau bomoh yang saya temui mengatakan dunia ini panas. Dunia ini telah tercemar terutama hutan rimba yang diterokai dan dicerobohi atas nama pembangunan.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) perlu berusaha untuk mengekalkan keunikan budaya masyarakat Orang Asli. Pelbagai usaha boleh dilakukan seperti mengadakan *Pesta Budaya Masyarakat Orang Asli* sebagai acara tahunan pada setiap tahun. Walaupun kerajaan merancang untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dari setiap aspek, tetapi budaya dan adat resam mereka perlu diambil kira. Pembangunan masyarakat Orang Asli akan gagal jika ada pihak yang bertindak untuk menghapuskan identiti, budaya dan adat resam mereka.

'Akar umbi' mengikut *Kamus Dewan* (Edisi ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984) ialah bertapak atau berasas kepada sesuatu dan seterusnya menjadi kukuh dan berkembang. Selaras dengan tajuk bagi CD ini, saya berharap agar usaha mengetengahkan lagu-lagu masyarakat Orang Asli agar terus berkembang dan akan lahir album-album atau CD seterusnya yang dapat mengangkat martabat budaya masyarakat Orang Asli.

Norlida Mohd. Jalaludin,  
*Universiti Sains Malaysia.*

## RUJUKAN

Amran Kasimin (terj. Padilah Hj. Ali). 1995. "Pendahuluan", dalam *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lim Hin Fui. 1997. *Orang Asli. Forest and Development*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia.

Norlida binti Mohd. Jalaludin. 2002. Hutan sebagai Sumber Seni Muzik Suku Kaum Semai, Tesis MA, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Roseman, Marina. 1984. "The Social Structuring of Sound: The Temiar of Peninsular Malaysia", *Ethnomusicology* 28 (3).

**Temu bual :**

Encik Bah Sait, Bah Durgan dan Bah Deh di Kampung Sungai Odak dan Pos Who pada bulan Disember 1998 dan September 1999.

**Website**

<http://www.xlibris.de/magickriver>

